



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 9 MEI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AMBIL IKTIBAR PERANG RUSSIA-UKRAINE, LINDUNGI KETERJAMINAN MAKANAN KETIKA KONFLIK INDIA-PAKISTAN, NASIONAL, BH-2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	NO INFECTIOUS DISEASES FOUND IN PIGEON CARCASSES: VET DEPT, NATION, THE SUN-4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA (DVS)
3.	TIADA PENYAKIT BERJANGKIT DIKESAN, LOKAL, HM-6	
4.	BANGKAI PENYU TERDAMPAR DI PANTAI PUTERI, NEGERI, SH-26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	TUNA HUB REELING IN PROFITS, NATION, THE STAR-11	
6.	30,000 BAKAL MENCANDAT SOTONG DI PERAIRAN TERENGGANU SEHINGGA OGOS, NEGARA, KOSMO-13	
7.	SHOWTECH PAMER INOVASI MARDI SEJAK 5 TAHUN LALU, LOKAL, HM-17	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
8.	SHOWTECH FAIR TO SPOTLIGHT FRUITS OF MARDI'S RESEARCH, NATION, THE STAR-10	
9.	KONFLIKS INDIA-PAKISTAN TAK JEJAS DAGANGAN MALAYSIA, BISNES, BH-23	LAIN-LAIN
10.	MUSANG KING KEKAL RAJA, TUPAI KING MASIH BAHARU, NEGERI, SH-22	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	2

Minda Pengarang



Ambil iktibar perang Russia-Ukraine, lindungi keterjaminan makanan ketika konflik India-Pakistan

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres sudah menyuarakan kebimbangan berhubung operasi ketenteraan India menyasarkan lokasi di Pakistan dan Kashmir ditadbir Pakistan dengan menyifatkan dunia tidak mampu menanggung risiko konfrontasi ketenteraan antara dua negara berkenaan ketika ini.

Pada masa sama, banyak negara menzahirkan kebimbangan susulan perang antara dua negara itu boleh menjejaskan bekalan beras Malaysia. Tidak terkecuali Malaysia apabila Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, menegaskan kedua-dua negara itu membekalkan hampir 30 peratus keperluan beras negara, termasuk beras putih dan Basmathi.

Walaupun ketika ini, bekalan beras stabil, Malaysia perlu mewujudkan pelan kecemasan bagi menangani risiko kekurangan bekalan beras seperti ketika dunia kekurangan bekalan gandum susulan perang Russia dan Ukraine sebelum ini. Apabila Russia menceroboh Ukraine pada awal 2022, ramai menjangkakan kesannya hanya tertumpu di Eropah Timur, tetapi impaknya tidak dapat dibendung hingga turut menjejaskan bekalan makanan dunia.

Ukraine dan Russia antara pengeksport gandum terbesar dunia, justeru perang antara kedua-dua negara itu menyebabkan rantai bekalan gandum dunia mengalami gangguan, melonjakkan harga tepung dan makanan asas di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Hari ini, dunia sekali lagi berdepan risiko sama, kali ini membabitkan dua negara pengeksport makanan penting, iaitu beras yang menjadi makanan ruji majoriti penduduk Asia, selain turut diimport Amerika Syarikat (AS) serta beberapa negara di Afrika. Ketegangan semakin meningkat dengan serangan berbalas antara India dengan Pakistan bukan sahaja membimbangkan dari sudut keselamatan serantau, bahkan berpotensi menjadi satu lagi krisis kepada keterjaminan makanan negara.

Ketika krisis bekalan gandum masih berusaha untuk memulih, kini Malaysia perlu meningkatkan kesiapsiagaan melindungi keterjaminan makanan terutama beras sekiranya konflik di Asia Selatan berpanjangan kerana beras adalah makanan ruji rakyat Malaysia. Kita tidak boleh mengulangi kesilapan sama seperti ketika perang Russia-Ukraine. Perang itu sepatutnya menjadi pengajaran betapa konflik beribu kilometer dari negara boleh menjadikan harga barang berasaskan gandum mencanak.

Siapa tahu mungkin jika perang India-Pakistan berlarutan, pasti implikasi seperti perang Russia-Ukraine boleh berulang, mengakibatkan kekurangan bekalan beras di pasaran tempatan. Dalam hal ini, kerajaan perlu segera memperluas rangkaian bekalan beras seperti mendapatkan dari negara jiran Thailand, Vietnam, Kemboja dan Indonesia.

Kita tidak boleh menunggu sehingga perang meletus untuk mula bertindak. Pengajaran daripada perang Russia-Ukraine amat jelas, siapa mengawal bekalan makanan, bakal mengawal kestabilan geopolitik. Sekiranya ketegangan India-Pakistan menjadi konflik terbuka, Malaysia mungkin tidak sempat mencari alternatif. Justeru, dasar keterjaminan makanan mesti menjadi agenda keselamatan negara. Jika Malaysia tidak bersedia, rakyat akan menjadi mangsa. Konflik yang berlaku dan impak melanda negara menuntut kita merangka satu dasar keterjaminan negara lebih utuh dan berteraskan konsep 'se-diakan payung sebelum hujan'.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2025	THE SUN	NATION	4

No infectious diseases found in pigeon carcasses: Vet dept

PUTRAJAYA: The Veterinary Services Department has confirmed that no new infectious diseases have been detected and no deaths reported following the discovery of a large number of pigeon carcasses around a water fountain in Padang Ipoh, Perak recently.

It said the results of post-mortems on three pigeon carcasses found that they all had full stomach contents, with several significant findings, including the discolouration of the liver, the presence of blood clots in the thoracic cavity and bleeding in the trachea and lungs.

"Samples of internal organs such as the liver, heart, kidneys, spleen, lungs, intestines and trachea have been sent for laboratory analysis.

"Preliminary test results for Avian Influenza, Newcastle Disease and Adenovirus returned negative. Tests for poisoning are being carried out by the Chemistry Department to identify the actual cause of death," it said in a statement yesterday.

"As a precautionary measure and to protect public safety as well as the country's livestock sector from the risk of animal-borne diseases, the department will continue to monitor the situation at Padang Ipoh."

It urged the public to call 03-8870 2041 if carcasses of birds or animals that look unusual or suspicious are encountered. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	26

Bangkai penyu terdampar di Pantai Puteri

MELAKA - Dua kaki pancing tidak menyangka objek yang disangka pelepah kelapa rupa-rupanya bangkai penyu yang terdampar di pesisir Pantai Puteri, Tanjung Kling, di sini pada petang Rabu.

Mohd Jamal Abdullah, 42, yang juga kakitangan kerajaan berkata, dalam kejadian kira-kira jam 5.30 petang itu, dia dan seorang rakannya sedang mencari lokasi memancing sebelum terlihat bangkai haiwan tersebut.

Menurut Mohd Jamal, dia sering memancing di kawasan itu namun jarang berlaku penemuan atau pendaratan haiwan marin di pantai tersebut.

"Cuma sedihnya sebab penyu yang ditemui ini telah mati. Kalau betul kawasan ini menjadi tempat pendaratan penyu, jabatan berkenaan perlu lakukan sesuatu.


"Sayang sebab penyu merupakan khazanah negara yang tak ternilai harganya, lebih-lebih lagi haiwan yang dilindungi ini semakin pupus," katanya pada Khamis.

Susulan penemuan itu, dia dan rakannya mengambil gambar bersama bangkai penyu tersebut sebelum memuat naik di Facebook.

Ujarnya, selepas memuat naik gambar berkenaan, ramai rakan memberi komen positif dan turut terkejut mengetahui bangkai penyu ditemui di pantai popular itu.

"Kalau lihat dari bentuknya, saya yakin penyu berkenaan dipercayai baru mati memandangkan keadaannya belum nampak mereput termasuk bahagian kaki," tambahnya.

Sementara itu, *Sinar Harian* sedang mendapatkan maklum balas daripada Jabatan Perikanan Melaka berhubung penemuan tersebut.



Bangkai penyu yang ditemui di pesisir Pantai Puteri, Tanjung Kling pada Rabu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2025	HARIAN METRO	LOKAL	6

PENEMUAN BANGKAI BURUNG MERPATI DI IPOH

Tiada penyakit berjangkit dikesan

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesahkan tiada penyakit berjangkit dikesan atau kematian baharu dilaporkan susulan penemuan sejumlah besar bangkai burung merpati di sekitar kawasan pancuran air di Padang Ipoh, Perak, baru-baru ini.

Dalam kenyataan semalam, JPV memaklumkan keputusan awal ujian terhadap tiga bangkai merpati bagi penyakit berjangkit Avian Influenza (AI), Newcastle Disease (ND) dan Adenovirus adalah negatif dan bukan faktor penyebab kematian haiwan terbabit.

"Bedah siasat mendapati merpati itu mempunyai kandungan perut yang penuh, dengan beberapa penemuan signifikan termasuk perubahan warna pada hati, kehadiran darah beku dalam rongga toraks serta pendarahan pada trakea dan paru-paru.

"Sampel organ dalaman seperti hati, jantung, buah pinggang, limpa, paru-paru,

usus dan trakea telah dihantar untuk analisis makmal. Pada masa ini, ujian keracunan sedang dijalankan oleh Jabatan Kimia untuk mengenal pasti punca sebenar kejadian," katanya.

JPV memaklumkan kesimpulan akhir kematian burung terbabit hanya dapat dibuat selepas menerima keputusan ujian keracunan daripada Jabatan Kimia.

"Sebagai langkah berjaga-jaga dan untuk melindungi keselamatan awam serta sektor penternakan negara daripada risiko penyakit bawaan haiwan, JPV akan terus menjalankan pemantauan terhadap situasi semasa di Padang Ipoh," katanya.

Orang ramai dinasihatkan segera melaporkan kepada JPV berhampiran atau terus menghubungi di talian 03-88702041 sekiranya menemui bangkai burung atau haiwan lain yang kelihatan luar biasa atau mencurigakan. - Bernama

30,000 bakal mencandat sotong di perairan Terengganu sehingga Ogos

KUALA TERENGGANU - Lebih 30,000 pelancong termasuk luar negara disasar memeriahkan musim mencandat sotong di Terengganu yang sedang berlangsung sehingga Ogos depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Terengganu, Datuk Razali Idris berkata, kehadiran pelancong itu bakal menjana pulangan melebihi RM7.5 juta kepada pemain industri terlibat seperti pengusaha bot, nelayan, pengusaha inap desa dan industri makanan laut.

"Musim candat sotong merupakan program pelancongan marin di Terengganu dinantikan bukan sahaja oleh pelancong tempatan, malah luar negara termasuk Singapura, Filipina, Thailand dan China.

"Kita akan lancar Pesta Mencandat Sotong di Jeti Pelancongan Marang pada esok (hari ini)," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Razali berkata, pelancongan pesta mencandat sotong tersebut akan dimeriahkan dengan penganjurkan Karnival Pakar Mari Candat Sotong sehingga Ahad ini.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, runtuhan sedang dilakukan dengan



RAZALI (tengah) melancarkan Karnival Pakar Mari Candat Sotong di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu semalam.

Jabatan Perikanan bagi mendapatkan permit khas mencandat sotong bagi lebih 30,000 nelayan yang tidak memiliki lesen perikanan rekreasi.

"Ia usaha membantu pengusaha bot dan nelayan kecil dan pelancong pantai memperoleh pendapatan sampingan untuk menyara keluarga pada musim mencandat sotong tersebut.

"Kita sudah buat sesi libat urus dengan Jabatan Perikanan, Jabatan Laut dan beberapa agensi berkaitan dari tahun lepas bagi membantu nelayan kecil ini mendapatkan permit mencandat sotong," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2025	HARIAN METRO	LOKAL	17

ShowTech pameran inovasi Mardi sejak 5 tahun lalu

Kuala Lumpur: Inovasi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) sejak lebih lima tahun lalu bakal dipamerkan dalam Showcase Teknologi (ShowTech) Mardi 2025 bermula 29 Mei hingga 2 Jun depan.

Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani (*gambar*) berkata, program kali kedua bakal mempamerkan teknologi Mardi dalam pelbagai bidang termasuk pertanian dan penternakan.

Katanya, program membabitkan lapan kluster pameran utama iaitu tanaman bernilai tinggi, tanaman industri, padi dan beras, teknologi makanan, pertanian pintar, ternakan, pemindahan teknologi dan agropelancongan.

"ShowTech Mardi 2025 wadah terbaik untuk masyarakat dan pemain industri melihat teknologi dan inovasi terkini dan inovasi dibangunkan Mardi sejak lima tahun lalu.

"Dalam pertanian misalnya, kita pamer varieti padi terbaharu, kaedah kawalan penyakit, varieti kelapa, jagung serta baka ternakan selain produk makanan termasuk kesihatan dan berkhasiat dan banyak lagi.

"Saya harap 30 peratus daripada apa yang dipamerkan boleh dikomersialkan dan selebihnya boleh digunakan untuk *public goods* (jualan keperluan

harian) dan kita beri khidmat teknikal," katanya.

Mohamad Zabawi berkata, program bakal berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang dijangka menarik 500,000 pengunjung termasuk pemain industri, petani, penternak, usahawan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selain 148 penyertaan usahawan.

"Program ini menarik kerana pengunjung berpeluang menyaksikan teknologi sedia dikomersialkan mahupun yang sudah dipindahkan kepada masyarakat dan industri akan dipamerkan.

"Pada masa sama, masyarakat dan pemain industri boleh bertemu penyelidik Mardi bagi mendapatkan maklumat dan memberi input untuk pe-

nambahbaikan pembangunan dan penyelidikan (R&D) dan penghasilan teknologi Mardi.

"Mardi sedia beri khidmat nasihat dan teknikal kepada pengusaha yang hendak menggunakan teknologi Mardi," katanya.

Katanya, pelbagai aktiviti sampingan menarik turut menanti pengunjung seperti memungut sayuran di kawasan seluas satu setengah hektar secara percuma, memancing, acara larian serta cabutan bertuah bernilai RM10,000 sepanjang program dari jam 10 pagi hingga 10 malam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2025	THE STAR	NATION	10

ShowTech fair to spotlight fruits of Mardi's research

SERDANG: The five-day Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) Technology Showcase (ShowTech) 2025, to be held at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) from May 29, will feature exhibitions showcasing the latest agricultural technologies and innovations.

Mardi director-general Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul

Ghani described the exhibition as the best platform for the public and industry players to witness the results of Mardi's research over the past five decades.

"We will display 188 technologies across eight clusters.

"We will also bring together 148 entrepreneurs to sell their products," he said at a media briefing for the event yesterday, reported Bernama.

He added that this year's main highlight is the expansion of the exhibition area, which will include more interactive activities for visitors such as engaging in vegetable harvesting.

"Mardi is targeting an attendance of 500,000 visitors, including farmers, breeders, entrepreneurs, students and members of the public," he said.

He described ShowTech 2025

as a key platform for Mardi to introduce research findings that may not have been widely known.

"For example, Mardi has developed 58 padi varieties that are planted by over 95% of farmers in Malaysia, yet Mardi's name is not displayed.

"With ShowTech, we can inform the public about Mardi's contributions," he said.

Tuna hub reeling in profits

Penang to roll out initiatives to attract local, global investments

By IMRAN HILMY

imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: As the tuna hub of Malaysia, Penang had more than twice as much tuna last year compared to the previous year, says Fahmi Zainol.

The state agrotechnology, food security, and cooperative development committee chairman said figures from the Fisheries Department showed 431,000kg of tuna worth RM7.76mil were brought in 2024, more than double the 177,320kg (RM3.19mil) in 2023.

He said the increase reflected Penang's growing role in the tuna industry, which has been developing since the early 2000s.

Recognising the industry's potential for further growth, he said the Fisheries Department has rolled out several initiatives to attract investment.

"These include incentive schemes such as the Small and Medium Agro-based Industry Expansion Programme (SPeKS), the Agropreneur Muda Grant Programme (GAM) for youths aged 18 to 45, and the zero-interest Agropreneur Financing Scheme (TUT) supported by the state government," he told *The Star* in an interview.

"Other efforts include the provision of cold room facilities and processing equipment, the development of seven new tuna-based products, and the establishment



Rich haul: Fahmi checking a shipment of frozen tuna during his visit to Butterworth.

of the Tuna Product Excellence Centre in Labuan," he said.

Fahmi said the Fisheries Department is also facilitating links between vessel operators and downstream entrepreneurs to secure a steady tuna supply, while infrastructure upgrades at landing sites like Dermaga Dalam in Butterworth will strengthen the supply chain from sea to processing facilities.

He said some of these tunas are temporarily kept in Butterworth before being exported to international markets.

He said international trade mis-

sions have been used to promote investment opportunities in Penang's tuna sector globally.

"The strategic location of Penang near international maritime trade routes, combined with a robust logistics network through Penang Port and Penang International Airport, continue to bolster its appeal as a processing hub and attractive stopover point for foreign fishing vessels.

"The state's well-established food and packaging industries further complement the growth of tuna-related activities.

"This trend supports Malaysia's

ambition to strengthen its role in the global seafood supply chain."

In addition to acting as a transit hub, Fahmi said tuna is also imported from countries like Japan to meet growing domestic demand.

He said the imported fish is distributed for local consumption, especially in urban areas with a high demand for premium seafood.

Fahmi said that although there is no precise data on the total number of jobs created within the tuna sector, it is clear that the industry is driving employment across fishing, processing, logistics and export services.

He said local fishermen and operators have already seen tangible benefits, with tuna exports fetching significantly higher prices than domestic sales.

He said there are also positive spillover effects in related sectors such as vessel repairs, fuel supply and marine services.

"Looking ahead, industry players expect this year to bring further expansion, driven by the recent issuance of 16 tuna vessel licences to Astana Conglomerate Sdn Bhd.

"This will boost Malaysia's tuna harvesting capacity and generate more economic activities."

Fahmi added that in recent years, the export values of tuna have reflected the industry's volatility and recovery efforts.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2025	BERITA HARIAN	BISNES	23

Konflik India-Pakistan tak jejas dagangan Malaysia

Ketegangan berpanjangan hanya beri kesan besar ke atas ekonomi masing-masing

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Perdagangan Malaysia dengan India dan Pakistan dijangka tidak terjejas secara signifikan sekiranya konflik yang tercetus antara kedua negara itu tidak berlarutan atau berkembang menjadi peperangan berskala besar, menurut penganalisis.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata walaupun ketegangan diplomatik dan ketenteraan antara dua kuasa nuklear Asia Selatan itu mencetuskan kebimbangan global, India dan Pakistan menyedari im-

plikasi ekonomi yang mendalam sekiranya krisis berkenaan dibiarkan berpanjangan.

Beliau berkata, konflik hanya akan memberi kesan yang signifikan kepada ekonomi masing-masing terutama dalam usaha menarik pelaburan asing yang mungkin terjejas.

Malah katanya, pasaran saham dan bon kedua negara terjejas berikutan tercetusnya konflik itu pada Rabu.

"Perdagangan Malaysia dengan India dan Pakistan dijangka tidak terlalu terkesan sekiranya ia tidak berlarutan ke skala yang lebih besar. Konflik kedua negara wujud sejak puluhan tahun dan sentiasa mempunyai cabaran tersendiri berlarutan kepada konflik senjata," katanya kepada BH.

Aimi Zulhazmi menjelaskan, eksport utama Malaysia kedua negara itu adalah minyak sawit, manakala import pula terutama barang makanan seperti daging dari India, sementara dari Pakistan pula adalah seperti beras, jagung, bawang serta tekstil.



Dr Aimi Zulhazmi

Beliau berkata, jumlah keseluruhan perdagangan antara Malaysia dan Pakistan adalah AS\$1.21 bilion, manakala perdagangan Malaysia dan India lebih besar dengan pada 2024 mencecah AS\$20.01 bilion.

"Malaysia ialah rakan dagang ke-16 terbesar India, manakala India berada di antara 10 rakan terbesar Malaysia. Eksport Malaysia ke India mencecah AS\$11.39 bilion pada 2024," katanya.

Jejas sentimen pasaran

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid pula berkata, sekiranya konflik itu berlarutan, ia dibimbangi boleh menjejaskan momentum perdagangan dengan dua negara itu.

Selain itu beliau berkata, sentimen pasaran juga boleh turut terjejas jika ia membabitkan campur tangan kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) dan China

memandangkan India dan Pakistan masing-masing mempunyai keupayaan dalam senjata nuklear.

"Justeru, kita berhadapan dengan pertambahan risiko selain daripada isu kejutan tarif yang diperkenalkan oleh Presiden AS, Donald Trump.

"Sudah pasti akan memberi kesan negatif terhadap momentum pertumbuhan global yang mana Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sudah mengurangkan unjuran pertumbuhan ekonomi global bagi 2025 daripada 3.3 peratus kepada 2.8 peratus," katanya.

Ketegangan antara India dan Pakistan kini memuncak selepas tentera India melancarkan serangan peluru berpandu ke atas tiga lokasi di Pakistan dan Kashmir yang ditadbir Pakistan, pada Rabu.

Ketegangan itu telah mencetuskan kebimbangan antarabangsa, dengan negara seperti AS, China dan Russia menyeru kedua-dua pihak agar menahan diri dan menyelesaikan pertikaian melalui diplomasi.

Presiden AS, Donald Trump turut menawarkan diri untuk menjadi perantara dalam usaha meredakan ketegangan.

Musang king kekal raja, tupai king masih baharu



Nicky (kiri) bersama durian musang king yang dikutip dari kebun untuk diedarkan ke pasaran tempatan dan luar negara.

Pasaran eksport kukuh,
musang king sukar
digugat varieti baharu

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Kewujudan varieti baharu durian, tupai king masih belum cukup 'bisa' untuk menggugat kedudukan musang king yang terus menguasai pasaran sebagai raja buah di dalam dan luar negara.

Pekebun dan penjual musang king dari Raub, Nicky Koh Kuan Heng, 38, berkata, kehadiran tupai king bukan sesuatu yang perlu dibimbangkan, sebaliknya dilihat sebagai perkembangan positif dalam industri durian negara.

"Kami tidak tergugat dengan pesaing daripada varieti baharu seperti tupai king kerana musang king sudah ada pengikut setia dan pasaran yang kukuh terutama di luar negara.

"Tupai king mungkin menarik perhatian buat sementara tetapi musang king sudah terbukti dari segi rasa, berkualiti dan permintaan sejak bertahun-tahun," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Nicky merupakan generasi kedua yang mewarisi kebun durian daripada bapanya, Koh

Ah Kau berkata, kelebihan musang king terletak pada kualiti rasa dan statusnya sebagai varieti yang dikenali luas di dalam serta luar negara.

Jelasnya, kestabilan hasil dan kepercayaan pembeli menjadikan varieti premium itu kekal relevan hingga ke hari ini.

Tambah Nicky, kebun miliknya kini mempunyai pokok durian pelbagai usia termasuk yang tertua berusia lebih 35 tahun, membuktikan pengalaman dan penjagaan jangka panjang penting dalam memastikan hasil berkualiti pada setiap musim.

"Musang king bukan sekadar durian tetapi sudah jadi jenama yang dipercayai terutama di pasaran eksport seperti China, Hong Kong, Taiwan, Macau dan Eropah. Pembeli sanggup bayar mahal kerana yakin dengan rasa dan kualitinya.

"Memang sukar untuk varieti baharu nak tandingi kedudukan ini kerana reputasi dan kepercayaan dibina hasil kerja keras pekebun sejak sekian lama," jelasnya.

Mengulas mengenai varieti tupai king, Nicky berkata,



Laporan *Sinar Harian* pada Khamis.

lonjakan harga yang berlaku ketika ini hanyalah kesan awal daripada bekalan terhad.

Menurutnya, penggemar juga berminat untuk mencuba sesuatu yang baharu, sekali gus menjadikan varieti durian itu popular.

"Orang ramai beli sebab mahu rasa tapi belum tentu akan jadi pilihan utama seperti musang king.

"Dahulu pun duri hitam pernah naik mendadak tetapi bila makin banyak ditanam, harganya turun dan stabil," ujarnya.

Dalam pada itu, Nicky turut menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan kos pengurusan kebun yang memberi tekanan kepada pekebun kecil sepertinya.

Katanya, perbelanjaan untuk baja, racun serangga dan vitamin kini semakin tinggi serta memberi kesan langsung kepada hasil tanaman.

Malah, jelas Nicky, perubahan cuaca turut menyumbang kepada pengeluaran hasil yang tidak konsisten.

POH
PALEH
MENI

Nicky
menunjukkan
isi durian
musang king.

